

## ***Misa Melayu: Sumber Dokumen Penting Pengkajian Tentang Aspek Ekonomi Perak Kurun ke-18***

### ***Misa Melayu: An Important Document Source on Perak's Economy in the 18th Century***

SITI NOOR HAFIZAH MOHAMED SHARIF  
Independent Researcher, Gelugor, Pulau Pinang, MALAYSIA  
sitinoorhafizah0807@gmail.com

**Published online:** 28 April 2022

**To cite this article:** Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. 2022. *Misa Melayu: Sumber dokumen penting pengkajian tentang aspek ekonomi Perak kurun ke-18*. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 29(1): 187–211. <https://doi.org/10.21315/kajh2022.29.1.9>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.21315/kajh2022.29.1.9>

**Abstract.** *This article discusses the “Misa Melayu” as an important document in studying Perak’s economy between 1728 and 1792. In the past, “Misa Melayu” has been a source for writings on the history of Perak, covering various aspects such its politics (lineage of its sultans and important political events) and social-cultural matters (social structure and custom) in the 18th century. However, the document has rarely been used in studying the state’s economy. In relation to this, the current article discusses the importance of the “Misa Melayu” in unravelling Perak’s economy in the 18th century. For instance, “Misa Melayu” proved Perak’s economic ability to meet the demand for tin ore by the Dutch, who was then the state’s main trading partner. Besides tin, elephants were also a major trade for Perak whose exports reached as far as India. This article makes reference to “Misa Melayu” as the primary source as well as foreign records, namely the Dutch East India Company trade agreements with Perak.*

**Keywords and phrases:** *Misa Melayu, Perak, tin trade, Perak’s economy, Straits of Malacca*

**Abstrak.** Makalah ini membincangkan *Misa Melayu* sebagai sumber dokumen penting pengkajian aspek ekonomi Perak (1728–1792). *Misa Melayu* sering digunakan sebagai dokumen penting dalam penulisan sejarah Perak sebelum ini. Misalnya, dokumen ini sering digunakan untuk membincangkan aspek politik (susur galur atau salasilah sultan-sultan yang mentadbir Perak dan peristiwa-peristiwa politik penting yang melanda Perak) serta aspek sosial (struktur sosial dan adat istiadat negeri Perak) pada kurun ke-18. Namun permasalahannya, dokumen ini jarang diketengahkan dalam pengkajian ekonomi Perak pada kurun yang sama. Ringkasnya, makalah ini mendapati bahawa melalui *Misa Melayu*, aspek ekonomi utama Perak pada kurun ke-18 dapat diketahui dengan jelas. Sebagai contoh, *Misa Melayu* membuktikan kemampuan Perak memenuhi jumlah permintaan bijih timah oleh Belanda yang merupakan rakan dagang utama Perak. Selain daripada bijih timah, gajah juga merupakan dagangan utama Perak dan gajah dari Perak dieksport sehingga ke India. Penulisan makalah ini merujuk kepada *Misa Melayu* sebagai dokumen primer utama selain rekod asing iaitu perjanjian-perjanjian perdagangan antara Syarikat Hindia Belanda dengan Perak.

**Kata kunci dan frasa:** *Misa Melayu*, Perak, perdagangan bijih timah, ekonomi Perak, Selat Melaka

## Pengenalan

Penggunaan dokumen tempatan yang berupa sastera Melayu klasik (cerita rakyat) atau manuskrip-manuskrip Melayu lama seperti hikayat, lagenda dan rekod salasilah dalam penulisan sejarah sebelum kedatangan penjajah Barat bukanlah sesuatu yang asing khususnya bagi sastera yang disifatkan sebagai “sastera sejarah”. Misalnya, *Hikayat Raja-Raja Pasai*, *Sejarah Melayu*, *Hikayat Johor*, *Hikayat Raja-Raja Bugis dan Kota Waringin*, *Hikayat Aceh* dan *Tuhfat al-Nafis* adalah sastera Melayu klasik yang digolongkan sebagai “sastera sejarah”.<sup>1</sup> Ciri-ciri umum bagi menggolongkan sesuatu sastera Melayu klasik sebagai sastera sejarah, juga terdapat pada *Misa Melayu*<sup>2</sup> misalnya, adalah seperti mempunyai nama pengarang, peristiwa digalurkan mengikut kronologi selain turut merupakan sumber sezaman dengan peristiwa yang dikisahkan.<sup>3</sup> Bahkan, berbanding sastera sejarah yang menerapkan unsur mitos dan dongeng, pengkisahan dalam *Misa Melayu* tidak memasukkan unsur-unsur tersebut.<sup>4</sup> Sebaliknya, pengkisahan dalam *Misa Melayu* adalah berkisahan tentang golongan istana dan interaksi mereka dengan golongan massa serta orang luar. Pengkisahan dalam penulisan *Misa Melayu* ini juga dihasilkan berdasarkan kepada kajian, pemerhatian dan penilaian pengarang dokumen ini iaitu Raja Chulan (Ahmad Fauzi 1992, xix). Justeru, *Misa Melayu* boleh dianggap sebagai dokumen yang berwibawa untuk dijadikan sebagai sumber penting dalam pengkajian sejarah Perak pada kurun ke-18.

Namun demikian, penggunaan sastera Melayu klasik yang digolongkan sebagai “sastera sejarah” ini juga tidak terlepas daripada kontroversi khususnya berkaitan kesahihan fakta dalam sastera sejarah ini. Bahkan, terdapat juga pihak-pihak yang meragui penggunaan sastera sejarah ini sebagai sumber penulisan sejarah kerana dianggap mempunyai mitos yang berlebihan mahupun ketidaktepatan fakta antara sesebuah manuskrip itu dengan manuskrip lain yang membincangkan peristiwa yang sama.<sup>5</sup> Misalnya, *Misa Melayu* sendiri tidak terlepas daripada perselisihan fakta berkaitan nama dan pentarikan sultan yang memerintah berserta tempoh masa sultan berkenaan menduduki takhta. Sebagai contoh, *Misa Melayu* mencatatkan bahawa Sultan Muzaffar Syah menduduki takhta Perak sebelum takhta Perak kemudiannya diisi oleh Sultan Iskandar Syah (Ahmad Fauzi 1992, 2–3). Namun demikian, *Salasilah Perak* merekodkan bahawa Sultan Muzaffar Syah telah dipaksa turun takhta dan takhta baginda digantikan oleh saudara sedarahnya yang memakai gelaran Sultan Muhammad Syah. Selepas kemangkatan Sultan Muhammad Syah yang memerintah selama tujuh tahun, barulah Sultan Muzaffar Syah diangkat menduduki semula takhta Sultan Perak (Maxwell 1882, 22).

Sungguhpun demikian, sedikit perselisihan dalam dokumen yang berbeza ini tidak menafikan sepenuhnya kewibawaan *Misa Melayu* untuk digunakan dalam pengkajian atau penulisan sejarah. Misalnya, kedua-dua dokumen ini tidak mempunyai perbezaan tentang takhta kerajaan Perak selepas Sultan Muzaffar Syah yang diganti oleh Sultan Iskandar Syah. Perlu diingat juga bahawa semasa pentadbiran Sultan Muzaffar Syah, berlaku perselisihan politik antara Sultan Muzaffar Syah dengan saudaranya, Raja Bisnu, sehingga menyebabkan pentadbiran Perak terbahagi kepada dua. Sebahagian Perak diperintah oleh Sultan Muzaffar Syah yang pusat pentadbirannya bertempat di Kuala Kangsar manakala sebahagian lagi diperintah oleh Raja Bisnu yang menggunakan gelaran Sultan Muhammad Syah dan pusat pentadbirannya terletak di Pulau Tiga (Ahmad Fauzi 1992). Justeru, kemungkinan periwayatan *Salasilah Perak* bertujuan menutup peristiwa perpecahan dalam pentadbiran negeri Perak yang berlaku tersebut. Namun begitu, perpecahan ini hanyalah bersifat sementara kerana Raja Muda (anakanda Sultan Muhammad Syah) berjaya menyatukan semula negeri Perak dan takhta Perak tetaplah dinaungi oleh Sultan Muzaffar Syah sehingga kemangkatan baginda (Ahmad Fauzi 1992, 5).

Selain daripada perselisihan fakta, terdapat juga sarjana yang meragui penggunaan *Misa Melayu* dalam membuktikan pencapaian hubungan diplomatik dan ekonomi negeri Perak pada kurun ke-18 ini. Misalnya, Robert van Niel dalam mengutarakan pandangannya tentang penggunaan *Misa Melayu* dalam kajian B.W. Andaya (1979) telah menyatakan akan kemungkinan timbulnya keraguan

dalam kalangan pembaca tentang pencapaian Perak dalam hubungan diplomatik dan komersil negeri tersebut seperti dikisahkan dalam *Misa Melayu* kerana ketidakmampuan kerajaan kesultanan Perak mengorganisasikan sumber manusia dan hasil buminya untuk berdiri sendiri dalam mempertahankan negeri (van Niel 1980, 449).<sup>6</sup> Maka, selain daripada peristiwa-peristiwa politik penting yang berlaku di Perak sepanjang kurun ke-18, penulisan-penulisan yang ada turut membuktikan kepentingan *Misa Melayu* dalam mengisahkan aspek ekonomi utama Perak serta rakan dagang utamanya pada kurun ke-18. Justeru, adalah satu kerugian jika teks *Misa Melayu* tidak digunakan sebagai sumber penting secara meluas dalam perbincangan ekonomi negeri Perak.

### ***Misa Melayu* sebagai Dokumen Rujukan Utama dalam Penulisan Akademik**

Penggunaan sastera Melayu klasik yang mempunyai unsur sejarah dalam penulisan akademik, khususnya dalam penulisan sejarah, walaupun diragui oleh sesetengah pihak, telah lama digunakan dan penggunaan teks sebegini juga adalah semakin meluas dalam kalangan para pengkaji. Netscher umpamanya, menggunakan sastera Melayu klasik iaitu *Babad Siak* dan *Tuhfat al-Nafis* dalam kajiannya yang berjudul *De Nederlanders in Djohor en Siak*. Winstedt yang merupakan pentadbir kolonial British di Tanah Melayu turut menggunakan *Sejarah Melayu* dan menekankan peranan pihak Melayu dalam pengisahan sejarah Johor (Andaya 1987, 1 dan 3). Selain daripada Netscher dan Winstedt, C.A. Vlieland juga turut merujuk *Sejarah Melayu* dalam menyentuh tentang penghijrahan awal di Tanah Melayu walaupun beliau menganggap *Sejarah Melayu* penuh dengan unsur mitos. Buktinya, beliau menggunakan catatan dalam *Sejarah Melayu* tentang peristiwa penubuhan negeri di Tanah Melayu pada kurun ke-17 dan kurun ke-18 Masihi oleh susur galur kerajaan yang memerintah Palembang, Sumatera yang berhijrah ke Tanah Melayu (Vlieland 1934, 62).

Seterusnya, L.Y. Andaya dalam penulisannya yang berjudul *Kerajaan Johor 1641–1728, Pembangunan Ekonomi dan Politik* juga menggunakan sastera Melayu klasik sebagai sumber penting selain daripada rekod-rekod bertulis pihak Barat. Beliau misalnya merujuk *Sejarah Melayu* (pelbagai versi), *Babad Siak*, *Tuhfat al-Nafis*, *Hikayat Patani*, *Hikayat Riau*, *Hikayat Hang Tuah*, *Sdajrah Radja-Radja Riouw* dan pelbagai lagi sastera klasik Melayu dalam menghasilkan penulisannya (Andaya 1987, 450–473). Penulisan oleh Andaya ini juga menonjolkan bahawa sastera Melayu klasik turut merupakan sumber penting yang mengisahkan tentang aspek ekonomi negeri. Hal ini kerana aspek ekonomi amat penting dalam mengukuhkan kekuatan negeri melalui perolehan pendapatan bagi memastikan kelangsungan pentadbiran kerajaan. Maka, penulisan oleh Andaya (1987) ini menekankan bahawa kegemilangan kerajaan

Johor, seperti juga kegemilangan kerajaan Melaka, amat bergantung kepada penguasaan atau autonomi dalam kegiatan perdagangan di Selat Melaka. Walaupun demikian, hanya segelintir dalam kalangan sarjana menggunakan teks sastera Melayu klasik bagi memperincikan aspek ekonomi dalam penulisan mereka, misalnya B.W. Andaya dan L.Y. Andaya.

Seorang lagi penyelidik yang menggunakan teks Melayu klasik bagi memperincikan aspek ekonomi masyarakat Melayu adalah Marina Rosema yang menggunakan teks *Lagenda Semang Puteh*.<sup>7</sup> Teks Melayu klasik *Lagenda Semang Puteh* ini merupakan sebuah teks yang mengisahkan pembukaan negeri Perak oleh keturunan kesultanan Johor Lama. Melalui pengisahan dalam *Lagenda Semang Puteh* ini, sultan Johor dikatakan telah yang mengarahkan seorang daripada pembesarnya iaitu Nakhoda Kassim berlayar ke utara bagi membuka negeri baharu di kawasan yang belum lagi diduduki. Dalam pelayarannya itu, Nakhoda Kassim telah tiba di Beruas yang merupakan kawasan tempat pertukaran barang dagangan. Dari sini, beliau kemudiannya mudik ke pedalaman dan di situ, beliau melihat satu keajaiban iaitu darah putih keluar daripada tangan seorang wanita muda berketurunan Semang yang terluka akibat terkena pisau semasa cuba mengopek kulit tebu. Lalu, Nakhoda Kassim meminta izin kepada ayah wanita muda Semang berkenaan untuk mengahwini anaknya. Ayah wanita muda Semang bersetuju dengan lamaran tersebut. Maka, berkahwinlah Nakhoda Kassim dengan wanita muda Semang itu dan beliau tinggal menetap di Kuala Tumung. Hubungan dengan Johor inilah yang kemudiannya menyebabkan Nakhoda Kassim, semasa dalam keadaan gering menjelang kemangkatannya, meminta supaya keturunan daripada kesultanan Johor, yang pada waktu itu adalah Sultan Mahmud, dirajakan di Perak.<sup>8</sup> Pergerakan Nakhoda Kassim dalam pembukaan petempatan di Perak yang dicatatkan dalam *Lagenda Semang Puteh* adalah seperti dalam Rajah 1.

Merujuk kepada pengisahan ekonomi daripada teks *Lagenda Semang Puteh*, Rosema (2003) menggunakan teks ini sebagai salah satu dokumen utama dalam penulisannya yang berjudul “Malay and Orang Asli Interactions: View from Legendary History”. Perincian aspek ekonomi oleh Rosema dijelaskan melalui hubungan sosial yang wujud antara orang Melayu dengan Orang Asli (Semang) dengan bertitik tolak kepada hubungan antara penaung (Melayu) dengan yang dinaungi (Orang Asli) serta hubungan antara masyarakat pesisir (Melayu) dengan pedalaman (Orang Asli). Rosema membincangkan aspek hubungan sosial yang mendasari hubungan ekonomi antara masyarakat Melayu dengan Orang Asli ini dengan baik sekali.



**Rajah 1.** Pergerakan geografi pembukaan negeri Perak berdasarkan *Legenda Semang Putih*  
 Sumber: Rosema (2003, 32)

Sungguhpun begitu, kebanyakan daripada pengkaji lain yang menggunakan dokumen sastera Melayu klasik termasuklah *Misa Melayu* telah mengabaikan atau kurang memperincikan aspek ekonomi yang turut dikisahkan dalam teks klasik ini. Penyelidik tempatan juga dilihat lebih berminat dengan aspek sosiopolitik berbanding ekonomi. Kalaupun ada perbincangan berkaitan aspek ekonomi, perbincangan berkenaan dilakukan secara ringkas sahaja dan hanya sebagai “perencah tambahan” kepada penulisan yang berfokus kepada aspek politik ataupun aspek sosial.

Berbalik kepada penggunaan *Misa Melayu* dalam penulisan-penulisan sebelum ini, kebanyakan penulisan berkenaan jelas memfokuskan kepada aspek politik mahupun sosial. Misalnya, Khoo dalam “The Perak Sultanate: Ancient and Modern” (1986) yang membincangkan susur galur dan pentadbiran sultan yang merajai Perak sebelum dan selepas penjajahan, telah merujuk teks *Misa Melayu* dalam perbincangannya tentang penyandang takhta dan pentadbiran sultan sebelum penjajahan. Walaupun beliau menganggap teks *Misa Melayu* bersifat *panegyric* iaitu bertujuan untuk memperbesar-besarkan kehebatan pentadbiran Sultan Iskandar Syah, namun beliau masih tetap menggunakan teks tersebut dalam mengisahkan tentang perubahan besar yang berlaku semasa pemerintahan Sultan Iskandar Syah. Perubahan besar tersebut ialah gelaran Orang Kaya

Bendahara telah digantikan dengan Raja Bendahara dan keluarga Megat tidak lagi menyandang gelaran ini dan dikurniakan kepada keluarga diraja (Khoo 1986, 9). Namun begitu, penggunaan *Misa Melayu* dalam penulisan Khoo ini adalah terhad sekiranya dibandingkan dengan penggunaan teks *Lagenda Semang Puteh* dan *Salasilah Perak*. Hal ini berbeza dengan penulisan Azmi Arifin (2005) yang berjudul “Feudalisme Melayu dan Perak Kurun ke-18 daripada catatan *Misa Melayu*”. Melalui penulisan ini, Azmi menjadikan dokumen *Misa Melayu* sebagai dokumen utama perbincangannya yang menolak kewujudan sistem feodal dalam struktur politik masyarakat Melayu yang menurutnya telalu berperspektifkan Barat.

Pengabaian perbincangan aspek ekonomi secara terperinci dalam penggunaan *Misa Melayu* sebagai dokumen utama penulisan sesebuah makalah turut kelihatan dalam penulisan Muhammad Yusoff (1993) yang berjudul “Masyarakat Perak Abad ke-18: Interpretasi Historis daripada *Misa Melayu*”. Selain daripada membincangkan kandungan serta struktur kepengarangan *Misa Melayu*, tumpuan utama penulisan ini adalah berkenaan perwarisan takhta, peristiwa politik dan diplomatik serta perubahan yang berlaku khususnya semasa pentadbiran Sultan Iskandar. Walaupun Muhammad Yusoff (1993, 10) menghujahkan bahawa isu pokok yang mendasari pembinaan pengisahan dalam *Misa Melayu* adalah meliputi bidang politik, ekonomi dan kebudayaan, namun beliau nampaknya kurang membincangkan aspek ekonomi. Beliau sebaliknya hanya mencatatkan kembali secara ringkas peristiwa-peristiwa penting berkaitan ekonomi dan kerancangan ekonomi menyebabkan kepelbagaian suku bangsa yang mendiami Perak seperti dikisahkan dalam *Misa Melayu* tanpa sebarang penjelasan. Hal ini berbeza dengan perbincangan dan perinciannya tentang *Misa Melayu* berkaitan aspek pentadbiran sultan dan sosiobudaya Perak.

Penulisan terkini berkaitan *Misa Melayu* adalah penulisan kertas kerja oleh Ramlah Adam (2015) yang berjudul “Institusi Raja dalam *Misa Melayu*: Mengakar Kuat Tamadun Melayu”. Inti utama perbincangan penulisan ini memfokuskan kepada aspek politik iaitu institusi beraja yakni peranan sistem beraja dalam mengukuhkan kewujudan dan kelangsungan tamadun Melayu khususnya kewujudan negeri Perak. Perincian tentang keturunan dan pewarisan takhta sultan-sultan yang memerintah, bidang kuasa sultan, adat istiadat pertabalan sultan serta konsep daulat adalah perkara utama yang dibincangkan oleh Ramlah dalam kertas kerjanya ini. Aspek ekonomi hanya disentuh secara ringkas iaitu semasa membincangkan bidang kuasa sultan.

Seterusnya, Panuti Hadimurti (1979) dalam penulisannya bertajuk “Adat Raja-Raja Melayu: A Critical Edition Together with a Commentary on Court

Ceremonials Described” turut menggunakan *Misa Melayu* sebagai salah satu teks utama dan penting dalam penulisannya yang membincangkan secara terperinci aspek sosiobudaya yang menjadi amalan di istana iaitu adat-adat raja-raja Melayu. Beliau menyatakan bahawa, bagi upacara dan adat istiadat pertabalan raja-raja, *Misa Melayu* merupakan antara dokumen yang menggambarkan amalan pertabalan raja-raja dengan sangat terperinci (Panuti 1979, 370). Penulisan-penulisan yang menjadikan *Misa Melayu* sebagai teks rujukan yang sedia ada ini, membuktikan bahawa pengkaji lebih berminat membincangkan aspek sosial secara khusus dan secara tidak langsung menimbulkan anggapan bahawa sastera klasik Melayu selain berunsurkan politik, turut lebih bersifat sosial. Perkara ini sebenarnya tidak sepatutnya berlaku kerana sastera Melayu klasik, dalam konteks ini merujuk kepada *Misa Melayu*, turut mengisahkan tentang aspek ekonomi.

Namun demikian, hanya Andaya (1979) melalui penulisannya, *Perak, The Abode of Grace: A Study of an Eighteenth-Century Malay State* sahaja yang menggunakan teks *Misa Melayu* ini untuk membincangkan aspek ekonomi Perak secara khusus selain daripada turut merujuk kepada sumber Belanda. Perbincangannya tentang aspek ekonomi ini bertunjangan kepada kestabilan politik dalaman Perak dan pengukuhan serta pemusatan kuasa sultan yang memerintah bagi menghadapi ancaman luar negeri. Kesahihan hubungan dagang antara Perak dengan Belanda berkaitan jual beli bijih timah yang dikisahkan dalam *Misa Melayu* turut dibuktikan oleh sumber Belanda yang berupa perjanjian demi perjanjian antara Belanda dengan Perak (Muhammad Yusoff 1993, 17–22). Sumber asing ini mengukuhkan lagi kewibawaan *Misa Melayu* sebagai dokumen sezaman yang mempunyai nilai sejarah dalam membincangkan aspek ekonomi Perak pada kurun ke-18.

### ***Misa Melayu*: Dokumen Penting tentang Aspek Ekonomi Perak Kurun ke-18**

Salah satu kekuatan utama *Misa Melayu* sebagai dokumen rujukan penting berkaitan aspek ekonomi Perak adalah pengisahan teks tersebut tentang komoditi yang menjadi sumber eksport utama Perak serta rakan dagang utama negeri itu pada kurun ke-18. Terdapat tiga kesimpulan penting yang dapat dibuat berdasarkan kepada pengisahan tersebut. Pertama, kegiatan perdagangan merupakan sumber kekayaan Perak dengan bijih timah merupakan sumber dagang paling penting dan utama kerana menjadi sumber kekayaan negeri. Kedua, berdasarkan kepada perjanjian urusan jual beli bijih timah antara Sultan Perak dengan wakil Belanda (di Betawi), selain daripada menonjolkan Belanda



sebagai rakan dagang penting Perak pada kurun ke-18, Belanda juga sebenarnya memonopoli pembelian bijih timah dari Perak. Ketiga, selain daripada orang Belanda, orang Keling (India) juga merupakan rakan dagang Perak. Namun begitu, peranan orang Keling (India) sebagai rakan dagang Perak kelihatan lebih menonjol berbanding orang Cina. Buktinya, hubungan dagang dengan orang Keling (India) turut dikisahkan secara khusus melalui penjualan gajah. Sungguhpun begitu, bentuk atau jenis hubungan dagang dengan orang Cina tidak diperincikan. Sebaliknya, orang Cina hanya muncul dalam pengisahan *Misa Melayu* semasa keraian-keraian oleh pihak istana (Ahmad Fauzi 1992, 47).<sup>9</sup>

Aspek menarik lain tentang ekonomi Perak berdasarkan pengisahan *Misa Melayu* ini ialah kewujudan kota atau pekan di Perak yang dibina oleh sultan berhampiran dengan pusat pentadbiran (ibu negeri). Kota atau pekan ini merupakan tempat tinggal para pedagang yang terdiri daripada pelbagai suku bangsa. Antara suku bangsa yang menetap di kota atau pekan tersebut ialah Keling, Melayu, Cina, Bugis dan Minangkabau (Ahmad Fauzi 1992, 34). Menariknya juga, *Misa Melayu* turut mencatatkan bahawa sekiranya sultan mentadbir memindahkan ibu negeri baginda ke tempat baharu, kota atau pekan ini juga akan turut bersama-sama dipindahkan ke kawasan baharu supaya berdekatan dengan ibu negeri yang baharu tersebut. Perkara ini dapat dilihat melalui petikan catatan daripada *Misa Melayu* seperti berikut:

Maka seberang pulau itu diperbuat pula pekan dan bandar. Maka segala orang-orang isi bandar yang dahulu itu sekaliannya habis dipindahkan ke situ. Adapun berbagai-bagai bangsajenis bangsanya daripada Keling dan Melayu, Bugis, Minangkabau. Maka terlalu ramainya di bandar itu; maka segala orang Cina sama-sama Cina; maka beraturlah rumah berlapis-lapis... (Ahmad Fauzi 1992, 34)

Kewujudan kota atau pekan ini membuktikan kemakmuran ekonomi Perak di bawah pentadbiran tradisional sehingga berjaya menarik pelbagai suku bangsa untuk menginap di kota atau pekan yang dibina sultan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi. Hal ini juga membuktikan kemampuan pentadbiran tradisional negeri-negeri Melayu mewujudkan suasana selamat kepada para pedagang dan rakyatnya.

Walaupun begitu, terdapat juga kelemahan dalam pengisahan aspek ekonomi Perak oleh *Misa Melayu*. Misalnya, ketiadaan pengisahan tentang aspek ekonomi masyarakat bawahan Perak. Namun demikian, hal ini tidaklah menghairankan kerana penulisan *Misa Melayu* berkisar kepada sultan yang memerintah dan pelbagai peristiwa yang berkaitan dengan istana. Justeru,

sudah tentu aspek ekonomi yang disentuh adalah berkaitan dengan sultan dan institusi pentadbirannya serta golongan yang dekat dengan istana. Bukan hanya *Misa Melayu*, teks-teks sastra sejarah Melayu yang lain juga sebenarnya tidak terlepas daripada kelompangan tertentu. Sungguhpun demikian, hal ini tidaklah sama sekali menggugat kewibawaan teks-teks lain umumnya dan juga *Misa Melayu* khususnya untuk dijadikan sebagai sumber penting pengkajian sejarah negeri-negeri Melayu sebelum penjajahan Barat. Secara tuntas, berdasarkan kepada pengisahan dalam *Misa Melayu*, bijih timah dan gajah merupakan dua komoditi eksport utama Perak sebelum campur tangan kolonial.

### **Perdagangan bijih timah**


Kedudukan dan peranan Perak sebagai sebuah negeri pengeksport bijih timah yang penting sekurang-kurangnya bermula sejak kurun ke-17 Masihi lagi. Hal ini dikukuhkan oleh catatan seorang Portugis, Godinho de Eredia, pada tahun 1613 seperti dipetik dalam Andaya (1979, 22):

Perak is much frequented and is the principal port for the trade in tin or calayn in large slabs.... Here there have been discovered in the ranges and mountains within jurisdiction such large mine of tin that every year more than three hundred bhara (abaout 375 lbs) of tin are extracted to supply the factory of the Captain of Melaka and the trade of the merchants from India.

Sebelum itu iaitu pada kurun ke-16, selain daripada pedagang-pedagang asing yang berdagang terus ke Perak untuk memperoleh bijih timah, kerajaan Melayu Perak yang berpusat di Beruas ini juga turut dikehendaki menghantar ufti kepada kerajaan kesultanan Melayu Melaka dalam bentuk bijih timah pada setiap tahun (namun begitu, Tomè Pires tidak menyebut tentang jumlah atau timbangan yang perlu dihantar kepada Melaka dalam catatannya) (Cortesao 1967, 261). Pada kurun ke-16 ini juga, iaitu pada tahun 1596, seorang Belanda yang pertama kali tiba di kepulauan Hindia Belanda mendapati bijih timah di Perak turut dijual di Bentan yang merupakan salah sebuah pelabuhan entreport terpenting dalam tempoh masa tersebut (Andaya 1979). Kemampuan Perak untuk menghasilkan bijih timah bagi memenuhi permintaan pedagang dan bayaran ufti kepada kesultanan Melayu Melaka ini membuktikan bahawa aktiviti perlombongan bijih timah merupakan antara pekerjaan utama dan penting kepada masyarakatnya.

Kepentingan Perak sebagai sebuah negeri pengeksport bijih timah yang utama di Selat Melaka pada kurun ke-16 dan kurun ke-17 terus kekal dan semakin berkembang pesat pada kurun ke-18. Bahkan, terdapat sarjana-sarjana yang menulis sejarah Perak seperti Andaya (1979) dan Buyong Adil (1981) menganggap Perak berada dalam zaman “emas” pada kurun ke-18 ini. Maka, di sinilah terletaknya kepentingan *Misa Melayu* sebagai sumber penting dalam mencatatkan kegemilangan ekonomi Perak pada kurun ke-18 di sebalik pelbagai catatan peristiwa dan adat istiadat penting istana serta pergolakan politik.

Kedudukan Perak sebagai negeri pengeluar bijih timah yang utama dan semakin penting pada kurun ke-18 ini telah menarik minat Syarikat Hindia Timur Belanda (SHTB) untuk berdagang bijih timah secara langsung dengan Perak. Perjanjian bersifat ekonomi ini dicatatkan dengan jelas dalam *Misa Melayu*. Buktinya, *Misa Melayu* mencatatkan bahawa perdagangan bijih timah antara SHTB dengan Perak ini bermula pada separuh masa pertama kurun ke-18 iaitu sewaktu Perak berada di bawah pemerintahan Sultan Muzaffar Syah (1728–1752) (Ahmad Fauzi 1992, xxxiii; Maxwell 1882, 106). Bahkan, SHTB yang pada waktu itu berpangkalan di Betawi, Kepulauan Jawa mensyaratkan bahawa mereka merupakan satu-satunya pembeli bijih timah Perak. Hal ini bermaksud Belanda ingin menjadi pembeli tunggal (monopoli) bijih timah yang dikeluarkan oleh Perak. Permintaan SHTB telah dipersetujui Sultan Muzaffar Syah dan bermula dari tempoh itu, SHTB merupakan pembeli tunggal bijih timah yang dikeluarkan oleh Perak. Menurut catatan *Misa Melayu* juga, perjanjian antara SHTB dengan Perak ini diperbaharui setiap tiga tahun (Ahmad Fauzi 1992, 7).<sup>10</sup> Bagi memudahkan urusan jual beli timah ini, pihak dari SHTB ini juga memohon untuk membina kota dan gudang mereka sendiri di Pangkalan Halban sebagai tempat urusan jual beli bijih timah dengan Perak (Ahmad Fauzi 1992).<sup>11</sup> Kedudukan bekas kota dan gudang Belanda ini adalah seperti ditandakan (bulat) dalam Rajah 2.



**Rajah 2.** Kedudukan kota dan gudang Belanda semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Syah seperti dicatat dalam *Misa Melayu*  
*Sumber:* Ahmad Fauzi (1992, liii)


Walaupun sering kali diujahkan bahawa Perak berada pada zaman kegemilangan semasa zaman Sultan Iskandar Syah, peranan Sultan Muzaffar Syah tidak seharusnya diambil mudah kerana bagindalah yang sebenarnya merintis jalan kegemilangan tersebut melalui kerjasama perdagangan dengan SHTB. Kebijaksanaan Sultan Muzaffar telah membawa kepada perkembangan ekonomi dan kekayaan negeri Perak.<sup>12</sup> Perkembangan dan kekayaan ekonomi Perak selepas mengadakan perjanjian perdagangan dengan SHTB dicatatkan dengan jelas dalam *Misa Melayu* seperti berikut:

Hatta maka berapa lamanya Belanda itu diam di Pangkalan Halban menungui Kuala Perak, maka terlalu banyak rial berpuluh ribu dipersembhkannya kepada baginda itu akan cukainya negeri Perak itu; dan segala orang di dalam negeri ini pun banyaklah yang menaruh riyal. (Ahmad Fauzi 1992, 7)

Perkara penting di sebalik perjanjian Perak dan Belanda berkaitan urusan jual beli bijih timah ini, selain daripada kepentingan Perak sebagai negeri pengeksport bijih timah yang utama di Selat Melaka, adalah kemampuan Perak

untuk memenuhi permintaan Belanda terhadap bijih timah yang sudah tentu bukan kecil jumlahnya. *Misa Melayu* juga ada menyebut bahawa pada zaman Sultan Muzaffar Syah juga, bijih timah dijual menggunakan mata wang Belanda iaitu 30 rial Belanda sebahara dan jumlah cukai yang dikenakan pula adalah berjumlah dua rial Belanda (Ahmad Fauzi 1992). Maka, berdasarkan kepada catatan *Misa Melayu* ini, harga sebahara bijih timah yang dijual oleh Perak kepada SHTB adalah berjumlah 32 rial Belanda. Namun begitu, jumlah bijih timah yang dijual kepada SHTB pada zaman Sultan Muzaffar ini tidak dicatatkan dalam *Misa Melayu*. Walaupun demikian, kewujudan perjanjian antara Perak dan SHTB berkaitan bijih timah ini membuktikan kemampuan Perak menghasilkan bijih timah yang besar jumlahnya.


Selepas kemangkatan Sultan Muzaffar Syah, perjanjian jual beli bijih timah antara Perak dengan Belanda diteruskan oleh Sultan Iskandar Syah yang menaiki takhta kerajaan Perak pada tahun 1752 (Ahmad Fauzi 1992, xxxv).<sup>13</sup> Seperti sebelumnya, Perak masih mampu menyediakan kuantiti bijih timah yang bukan kecil jumlahnya setiap kali kedatangan Belanda. Misalnya, semasa pemerintahan Sultan Iskandar Syah, Belanda memohon untuk membeli 300 bahara biji timah dalam tempoh tiga hari sahaja. Akan tetapi, Perak mampu menyediakan 500 bahara bijih timah iaitu lebih 200 bahara daripada jumlah timah yang sebenarnya diminta oleh Belanda (Ahmad Fauzi 1992, 33). Hal ini bermaksud Perak berjaya menyediakan 187,500 *pound* (lbs.) sukatan Belanda atau dalam 900 pikul bijih timah.<sup>14</sup> Semasa pentadbiran Sultan Iskandar Syah juga, baginda telah membina pusat timbangan bijih timah di Kuala Bidor. Bijih timah yang dikeluarkan Perak ditimbang di sini sebelum diserahkan kepada Belanda (Ahmad Fauzi 1992, 33 dan 66). Berlawanan dengan zaman Sultan Muzaffar Syah, catatan *Misa Melayu* pada zaman Sultan Iskandar Zulkarnain Syah hanya mencatatkan tentang jumlah timbangan bijih timah yang didagangkan kepada SHTB manakala jumlah bayaran ke atas sebahara bijih timah yang didagangkan tidak pula dinyatakan. Namun menurut sumber Belanda iaitu “Perjanjian 13 Mac 1753”, SHTB perlu membayar 26 *ducatoons* atau 32 *Spanish real* (*dollar*) bagi setiap bahara bijih timah atau 375 *pound* sukatan Belanda (Muhammad Yusoff 1993, 18).<sup>15</sup> Berdasarkan sumber Belanda juga, urusan perjanjian perdagangan bijih timah antara Perak dengan SHTB masih berterusan semasa pemerintahan sultan-sultan Perak selepas baginda iaitu Sultan Mahmud Syah dan kemudiannya Sultan Alauddin Mansur Syah yang turut merajai Perak pada kurun ke-18. Perjanjian tersebut juga akan diperbaharui dengan beberapa syarat baharu setiap kali sultan baharu menaiki takhta kerajaan Perak (Muhammad Yusoff 1993, 20–22). Kawasan perlombongan utama bijih timah di Perak pada kurun ke-18 disertakan dalam Rajah 3 dan Rajah 4.



**Rajah 3.** Kawasan utama perlombongan bijih timah di bahagian Hulu Perak pada kurun ke-18

*Sumber:* Lampiran 1 dalam Muhammad Yusoff (1993, 24)

Pada awal kurun ke-19, jumlah eksport bijih timah terus meningkat. Misalnya pada tahun 1826, jumlah eksport bijih timah Perak adalah berjumlah 6,000 pikul setahun.<sup>16</sup> Lebih menarik, sehingga tahun ini, kebanyakan daripada pelombong bijih timah masih lagi terdiri daripada masyarakat Melayu tempatan. Mereka menjalankan kegiatan perlombongan bijih timah dua kali sehari iaitu pada waktu pagi iaitu antara pukul 5:00 pagi sehingga 10:00 pagi dan pada waktu petang iaitu antara pukul 3:00 petang sehingga 6:00 petang. Namun begitu, kegiatan perlombongan bijih timah ini dilaksanakan dengan lebih giat lagi selepas tamatnya musim menuai padi (Low 1850, 498).



**Rajah 4.** Kawasan utama perlombongan bijih timah di bahagian Hilir Perak pada kurun ke-18

Sumber: Lampiran 1 dalam Muhammad Yusoff (1993, 25)

Dari aspek pentadbiran aktiviti perlombongan pula, jelas sekali aktiviti ini berada di bawah monopoli sultan sendiri atau para pembesar. Sekalipun aktiviti ini diuruskan pembesar, pembesar sebenarnya bertanggungjawab kepada sultan dalam menguruskan aktiviti tersebut. Sehingga tahun 1826 umpamanya, harga timah dijual 30 *Spanish dollars* (Caunter 2020, 201–204) seabara kepada sultan atau para pembesar dengan sultan dan para pembesar juga menyediakan segala keperluan atau kelengkapan yang diperlukan untuk aktiviti ini dengan tujuan untuk memastikan penghasilan timah yang maksimum. Para pembesar

pula, sebagai balasan terhadap hak mengurus bagi pihak sultan, menerima 10% sehingga 20% daripada keuntungan yang diperoleh. Malah, keuntungan yang diperoleh juga boleh melebihi kadar tersebut bergantung kepada hierarki pembesar dalam struktur pentadbiran (Caunter 2020).

Selain daripada penjualan terus timah yang dihasilkan kepada sultan atau para pembesar, terdapat satu lagi sistem yang diamalkan di Perak dalam aktiviti perlombongan bijih timah di Perak. Melalui sistem ini, cukai dikenakan ke atas timah dan para pemilik lombong dibenarkan untuk menjual timah kepada mana-mana pihak yang diingini. Kadar cukai yang dikenakan adalah bergantung kepada sultan yang memerintah. Misalnya pada tahun 1826, iaitu semasa pentadbiran Sultan Abdullah Muazzam Syah, cukai yang dikenakan ke atas timah adalah enam *Spanish dollars* sebahara (Caunter 2020). Hal ini menonjolkan bahawa wujudnya kesatuan yang kukuh dalam hubungan antara sultan dengan para pembesar dalam memastikan Perak menghasilkan bijih timah yang mencukupi bagi memenuhi permintaan pedagang asing. Persaingan antara sultan, kerabat diraja mahupun pembesar dalam penguasaan bijih timah tidak timbul sekurangnya sebelum kemunculan Larut sebagai daerah perlombongan bijih timah yang utama di Perak. Bahkan, *Misa Melayu* turut mencatatkan bahawa setiap kali wakil SHTB ke istana bagi urusan membeli bijih timah, istana sultan akan dihadiri oleh kerabat diraja dan para pembesar sehingga menggerunkan wakil SHTB (Ahmad Fauzi 1992).<sup>17</sup> Ringkasnya, pengisahan perdagangan bijih timah oleh Perak dalam sumber tempatan hanya terdapat dalam teks *Misa Melayu* dan tidak terdapat dalam mana-mana sumber tempatan lain berkaitan Perak sama ada Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak (Wilkinson 1929) mahupun Undang-Undang Minangkabau (Undang-Undang Dua Belas) (Winstedt 1953).

Dalam kepimpinan Melayu tradisional, amalan monopoli komoditi dagangan tertentu oleh sultan dan para pembesarnya bukanlah sesuatu yang asing, hanya ciri-ciri atau pengkaedahan sahaja yang berbeza. Misalnya di Perak, walaupun urusan penjualan timah tidak dinyatakan secara khusus dalam teks-teks undang-undang Perak (Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak) dan Undang-Undang Minangkabau (Undang-Undang Dua Belas), namun berdasarkan kepada pengisahan *Misa Melayu* yang boleh dianggap sebagai sumber rasmi istana (kerana ditulis oleh golongan yang dekat dengan istana), maka boleh diujahkan bahawa perdagangan timah sememangnya dimonopoli oleh sultan dan para pembesarnya. Sumber Belanda yang berupa perjanjian-perjanjian antara sultan Perak dengan wakil Belanda berkaitan timah juga mengukuhkan lagi pandangan ini. Tambahan pula, tidak terdapat sebarang larangan dalam teks undang-undang Perak kepada para sultan negeri tersebut untuk terlibat secara langsung dengan aktiviti perdagangan.



Keadaan ini berbeza dengan amalan monopoli oleh para sultan di Kedah. Misalnya di Kedah, teks undang-undang negeri tersebut iaitu Undang-Undang Adat Negeri Kedah melarang para sultan terlibat dalam perdagangan. Walaupun demikian, hal ini bukanlah bermakna sultan tidak terlibat dengan perdagangan dan monopoli barangan tertentu oleh pihak sultan tidak wujud kerana berdasarkan kepada teks undang-undang tersebut juga, sultan boleh melantik wakil bagi pihaknya, yang digelar sebagai wakil raja untuk menjalankan urusan perdagangan dan sekali gus memonopoli komoditi tertentu bagi pihaknya. Sebagai contoh, pada zaman Sultan Muhammad Jiwa, terdapat lapan komoditi dagangan dimonopoli oleh pihak istana melalui wakilnya (digelar “saudagar raja”). Anak negeri (rakyat Kedah) tidak dibenarkan membeli atau menjual komoditi tersebut kepada orang dagang atau orang dari luar negeri (luar Kedah) kecuali dibeli atau dijual kepada wakil raja sahaja. Empat barangan yang tidak dibenarkan dibeli secara langsung daripada pedagang luar ialah opium, garam, tembakau dan pasu. Sebaliknya, anak negeri (rakyat Kedah) yang ingin memperoleh barangan tersebut perlu membeli barangan berkenaan daripada wakil raja. Empat barangan yang tidak boleh dijual secara langsung kepada orang asing atau pedagang luar negeri (Kedah) dan hanya boleh dijual kepada wakil raja sahaja pula ialah timah, gajah, lilin dan gading (Jelani et al. 2021, 82).<sup>18</sup> Berdasarkan contoh di negeri Kedah ini, maka amalan monopoli komoditi dagangan tertentu oleh sultan dan para pembesarnya adalah amalan kebiasaan negeri-negeri Melayu sebelum penjajahan. Berbalik kepada ekonomi Perak, selain daripada bijih timah, gajah juga merupakan eksport utama negeri tersebut dan turut berada dalam tangan sultan berdasarkan kepada pengisahan yang terdapat dalam *Misa Melayu*.

### **Perdagangan gajah**

Gajah merupakan antara binatang dagangan eksport utama di negeri-negeri Melayu kerana hasil daripada eksport tersebut yang menguntungkan negeri. Di Perak, selain daripada dieksport, gajah juga merupakan binatang tunggangan dan upacara adat istana (Ahmad Fauzi 1992, 25). Berkaitan eksport gajah misalnya, pengisahan ini dicatatkan dengan terperinci dalam *Misa Melayu*. Rakan dagang utama Perak bagi perdagangan gajah ini adalah benua Keling (India). Buktinya, semasa pentadbiran Sultan Iskandar Zulkarnain Syah, dicatatkan bahawa Sultan Iskandar Zulkarnain mempunyai banyak gajah dan berhasrat untuk menjual binatang tersebut. Baginda menitahkan kepada Tambi Kecil, iaitu seorang Keling yang mempunyai seorang isteri di Perak serta seorang isteri di tempat asalnya ke benua Keling bagi mencari saudagar-saudagar di benua tersebut yang ingin membeli gajah. Maka, Tambi Kecil ini pun pergi ke benua Keling dan berjaya menarik perhatian seorang nakhoda yang bernama Pakir Saib Maba untuk ke Perak bagi membeli gajah. Kejayaan Tambi Kecil ini

amat menggembirakan baginda sehingga baginda mengurniakan gelaran raja kepada Tambi Kecil iaitu Raja Mutabar Khan (Ahmad Fauzi 1992, 43–44).

Kedudukan Perak sebagai pengeksport utama gajah ke benua Keling ini turut dikukuhkan lagi berdasarkan kepada pengisahan dalam Undang-Undang Adat Negeri Kedah. Menurut teks undang-undang ini, pada zaman Sultan Muhammad Jiwa Zain al-'Adilin Mu'adzam Syah, sebuah kapal memuatkan 19 ekor gajah jantan ingin belayar pulang ke negeri asal mereka (Keling) dari negeri Perak. Namun akibat daripada masalah tiupan angin, kapal tersebut telah tersadai selama lebih 30 hari di laut dan mengakibatkan dua ekor daripada gajah di dalam kapal itu mati. Peristiwa itu juga menyebabkan nakhoda kapal tidak mampu untuk meneruskan perjalanan balik ke negerinya. Kapal ini kemudiannya singgah di Pelabuhan Kedah sementara menunggu sampainya musim untuk meneruskan semula perjalanannya ke negeri Keling. Maka, pengisahan oleh Undang-Undang Adat Negeri Kedah ini juga membuktikan wujudnya hubungan dagang yang berupa gajah antara Perak dengan negeri Keling ini dan sekali gus turut membuktikan kebenaran pengisahan dalam *Misa Melayu*.

Perdagangan gajah ini juga menonjolkan kemampuan dan kemahiran orang Melayu untuk menangkap gajah yang sudah tentu satu kerja yang sangat sukar. Penangkapan gajah ini juga tentunya memerlukan peralatan dan kelengkapan tertentu. Dalam aspek ini, *Misa Melayu* ada mencatatkan tentang cara gajah ini diperolehi. Proses menangkap gajah dimulakan dengan mengenal pasti tempat gajah sering berada. Kemudian, kubu atau di Kedah digelar “kelung” dibina bagi memerangkap gajah. Penggunaan cara ini bagi menangkap gajah ternyata berjaya untuk memerangkap gajah. Misalnya pada zaman Sultan Iskandar, sebuah kubu dibina di Padang Asam bagi memerangkap gajah. Usaha ini ternyata berjaya sewaktu dicatatkan bahawa baginda mendapat khabar gajah telah memasuki kubu yang dibina di Padang Asam tersebut. Justeru, sultan dan para pengikutnya yang terdiri daripada anak-anak raja, hulubalang istana dan sekalian rakyat berhimpun dengan segala kelengkapan dan peralatan untuk menangkap gajah yang telah berjaya diperangkap itu (malangnya, jenis peralatan tidak dicatatkan). Setelah gajah ini berjaya ditangkap, gajah ini dimasukkan pula ke dalam *celung* atau sangkar kecil dan dibawa ke tempat yang dikehendaki sultan. Selain daripada gajah yang berjaya ditangkap sultan ini, syahbandar juga pada waktu yang sama turut berjaya menangkap seekor lagi gajah *mengkona* (gajah yang tidak mempunyai gading). Dalam kes ini, kedua-dua gajah yang berjaya ditangkap itu dibawa ke Sayong. Kejayaan menangkap gajah-gajah ini diringi dengan sambutan meriah dan kurniaan pelbagai jenis barangan kepada sultan oleh para pembesar, hulubalang dan rakyat jelata (Ahmad Fauzi 1992, 57–58).

Sungguhpun demikian, tidak pula dijelaskan dalam *Misa Melayu* tentang penjagaan dan cara menjinakkan gajah-gajah ini. Namun berdasarkan kepada fasal ke-35 Undang-Undang Adat Negeri Kedah, penjagaan gajah ini bukanlah suatu yang mudah bagi orang yang mengambil upah untuk menjaga dan menjinakkan binatang tersebut (Jelani et al. 2021, 151–155). Bagi negeri Perak pula, dalam teks Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak, terdapat dua undang-undang berkaitan orang memelihara gajah iaitu undang-undang no. 45 dan no. 70 (Wilkinson 1929, 73 dan 81). Meskipun demikian, seperti *Misa Melayu*, teks undang-undang ini juga tidak memperincikan cara memelihara dan menjinakkan gajah. Namun begitu, bagi individu yang memelihara gajah, gajah miliknya perlulah dijaga dengan baik serta tidak memusnahkan hasil tanaman dan nyawa bagi mengelakkannya daripada dikenakan denda (rujuk undang-undang no. 45 dan no. 70, Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak).

Berkaitan jual beli gajah ini pula, malangnya *Misa Melayu* tidak mencatatkan harga jualan komoditi ini seperti untuk bijih timah. Namun demikian, pastinya gajah ini dijual dengan harga yang sangat tinggi. Misalnya di Kedah, menurut Undang-Undang Adat Negeri Kedah, harga jualan gajah adalah 24 emas. Walaupun begitu, tidak dinyatakan dengan lanjut tentang jenis timbangan emas ini. Jenis timbangan yang berkemungkinan besar digunakan adalah tahil kerana dalam teks Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak, timbangan tahil<sup>19</sup> digunakan bagi bayaran denda yang melibatkan emas (Wilkinson 1929). Bayaran ini juga adalah bayaran hasil raja sahaja serta tidak termasuk kos-kos lain, misalnya hasil (bayaran) untuk bendahara, orang yang memuatkan gajah (mungkin pemilik kapal) serta pengembala gajah. Bagi orang yang memuatkan gajah, bayarannya adalah 12 emas dan bagi pengembala gajah pula, bayarannya adalah satu emas (Jelani et al. 2021, 83). Maka dapat dilihat bahawa, walaupun gajah ini merupakan binatang yang menjadi barang monopoli raja, banyak pihak yang mendapat manfaat daripada perdagangan atau urusan jual beli gajah ini.

## Kesimpulan

Ringkasnya, *Misa Melayu* merupakan dokumen yang sangat penting dalam penulisan sejarah ekonomi Perak pada kurun ke-18. Kemampuan Perak memenuhi permintaan bijih timah oleh SHTB membuktikan wujudnya kerjasama yang erat dan kesepaduan dalam kalangan sultan, kerabat diraja dan para pembesar. Hal ini kerana permintaan bijih timah oleh SHTB adalah besar jumlahnya dan tanpa kerjasama dalam kalangan sultan, kerabat diraja dan para pembesar, sudah tentulah kemampuan untuk menghasilkan bijih timah akan terjejas. Walaupun tidak dinafikan bahawa wujudnya pertelingkahan politik dalam kalangan sultan,

pengganti sultan dan para pembesar, bukanlah bermakna berlakunya permusuhan yang ketat sehingga tidak boleh bekerjasama antara satu sama lain. Dalam hal ini, pandangan B.W. Andaya yang menyatakan bahawa kekayaan sultan hasil perdagangan bijih timah menjadikan sultan sangat berkuasa sehingga dapat memusatkan kuasa pemerintahan kepada baginda boleh dipertikaikan. Hal ini kerana sekalipun dengan kekayaan, sultan masih tidak akan mampu memusatkan kuasanya sehingga menjadi sangat berkuasa kerana keadaan geografi Perak yang tidak memungkinkan pemusatan kuasa berlaku sepenuhnya.

Perkara paling utama dalam menguasai politik istana dan takhta kerajaan adalah kemampuan sultan yang memerintah untuk mengagihkan kuasa secara seimbang dalam kalangan kerabat diraja (pengganti sultan) dan para pembesar namun dalam masa yang sama, masih dapat mengekalkan kewibawaannya sebagai seseorang yang menduduki takhta tertinggi kerajaan. Di sini, sultan bertindak sebagai lambang penyatuan dan kesepaduan. Tambahan pula, sistem pewarisan takhta Perak pada waktu tersebut juga adalah unik dan berbeza dengan negeri-negeri Melayu lain kerana mempunyai hierarki tertentu sebelum seseorang pewaris kerajaan dilantik menjadi sultan. Gabungan dan kerjasama antara sultan dengan para pembesar dalam pembangunan ekonomi Perak khususnya melalui perdagangan bijih timah secara tidak langsung juga turut menyanggah pandangan sarjana-sarjana kolonial bahawa negeri-negeri Melayu sebelum campur tangan kolonial adalah mundur ekonominya, sering bertelagah serta tidak mempunyai satu bentuk pemerintahan yang sistematik. Begitu juga dengan penggunaan teks sastera sejarah Melayu yang tidak seharusnya dikaji dari aspek sosiobudaya dan politik sahaja. Aspek ekonomi juga sewajarnya turut diberi perhatian kerana teks-teks ini tidak hanya membicarakan aspek sosiobudaya dan politik sahaja. Hal ini bukan sahaja membantu dalam memperkaya lagi pensejarahan ekonomi negara sebelum penjajahan kolonial, tetapi turut membantu untuk membetulkan pelbagai tanggapan negatif terhadap negeri-negeri Melayu sebelum penjajahan kolonial.

## Nota

1. Karya sastera sejarah terbahagi kepada dua bentuk iaitu bentuk prosa dan puisi. Penulisan prosa dan puisi ini menggalurkan sesuatu peristiwa yang berlaku dalam tempoh masa yang berbeza namun masih dalam tempoh masa sezaman dengan pengarangnya. Misalnya, karya berbentuk prosa menggalurkan peristiwa yang telah berlaku manakala karya berbentuk puisi pula digunakan untuk mencatatkan peristiwa semasa yang sedang berlaku. *Misa Melayu* memiliki kedua-dua bentuk tersebut iaitu prosa dan puisi (Ahmad Fauzi 1992, ix).

2. *Misa Melayu* yang digunakan dalam penulisan ini adalah naskhah yang diselenggara oleh Ahmad Fauzi Mohd Basri.
3. *Misa Melayu* mempunyai pentarikhan tentang peristiwa penting yang berlaku misalnya peristiwa pertabalan dan kemangkatan sultan yang memerintah. Nama pengarang dokumen ini juga diketahui sebagai Raja Chulan dan merupakan individu penting dalam pentadbiran kerajaan Perak pada ketika itu (kurun ke-18).
4. Namun demikian, perlu diingatkan juga bahawa penulisan *Misa Melayu* adalah setelah kewibawaan dan keabsahan susur galur sultan yang memerintah telah pun kukuh dalam masyarakat. Hal ini berbeza dengan manuskrip-manuskrip historiografi Melayu klasik yang lain, misalnya *Sejarah Melayu*. *Sejarah Melayu* yang turut bertujuan mengabsahkan kedudukan sultan dalam kalangan golongan yang diperintah (rakyat) supaya kedudukan sultan yang memerintah tidak boleh dicabar dan dipertikaikan. Justeru, mitos asal-usul raja ataupun sultan dalam teks-teks manuskrip historiografi Melayu merupakan unsur yang amat penting khususnya untuk mempengaruhi pandangan umum tentang keabsahan sultan dan kerajaan yang ditadbirnya (Tatiana 2015, 133–134). Maka, penekanan kepada perkara-perkara luar biasa berkaitan asal-usul sultan juga sebenarnya bertujuan mengukuhkan konsep “daulat” dan “derhaka” bagi menjamin taat setia dan kepatuhan golongan yang diperintah kepada sultan secara sukarela dan tanpa sebarang paksaan (Norazimah 2005, 323–325).
5. Dalam *Sejarah Melayu* misalnya, pelbagai peristiwa luar biasa dalam mengisahkan kelahiran dan asal-usul keturunan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka (KKM). Misalnya, dikisahkan bahawa asal usul KKM adalah berasal daripada tiga bersaudara yang turun ke Bukit Siguntang dan merupakan anak cucu Raja Iskandar Zulqarnain yang berasal dari Macedonia, Rom. Tiga bersaudara yang sangat baik rupa paras dan bijaksana ini juga telah menukarkan buah padi di Bukit Siguntang kepada emas dan daunnya kepada perak bagi membuktikan asal-usul mereka dari keturunan Raja Iskandar Zulqarnain. Saudara paling tua daripada tiga bersaudara ini dirajakan di Minangkabau manakala yang tengah pula dirajakan di Tanjung Pura dan yang bongsu pula dirajakan di Palembang. Kemudian, dikisahkan juga tentang kelahiran Seri Teri Buana yang lahir daripada muntah lembu yang dinobatkan di Bintan oleh raja perempuan negeri itu. Seri Teri Buana ini kemudiannya meminta diri untuk merantau keluar dari Bintan dan tiba di Temasik (Singapura) lalu membuka negeri di Temasik. Namun semasa pemerintahan generasi keempat selepas Seri Teri Buana (cicit baginda yang memakai gelaran Seri Sultan Iskandar Syah), Singapura telah diserang oleh Majapahit. Akibat daripada serangan tersebut, baginda berundur ke Muar, kemudiannya ke Nanning dan kemudiannya membina negeri di Melaka (Abdul Rahman 2009, 83–85, 89–92, 119–120).
6. Namun demikian, hujah van Niel tentang keraguannya ini mungkin timbul kerana beliau tidak mempunyai pengetahuan tentang keadaan geografi Perak yang tidak memungkinkan penguasaan politik sepenuhnya dalam pentadbiran negeri.
7. Rosema menggunakan kedua-dua versi *Lagenda Semang Puteh* iaitu versi W.E. Maxwell yang diterbitkan pada tahun 1871 dan versi J. de Morgan (jurutera perlombongan berbangsa Perancis) yang dikumpul dan disalin pada tahun 1884.

- Terdapat sedikit perbezaan dalam kedua-dua teks berkenaan kerana Nakhoda Kassim belayar dari kerajaan Johor Lama ke utara mencari petempatan baharu. Akan tetapi, isi utama yang lain tidak mempunyai perbezaan yang ketara (lihat Rosema 2003, 2–7).
8. Penulis menggunakan teks versi Maxwell, *The History of Perak from Native Sources* (1882, 89–91). Kewujudan petempatan atau perkampungan berdekatan Sungai Perak kurun ke-16 ini turut disokong oleh catatan Tomè Pires. Pires dalam catatannya menggambarkan Perak sebagai sebuah “kampung” atau petempatan Melayu yang terletak berhampiran dengan Sungai Perak dan hanya terdiri daripada kira-kira 200 orang penghuni. Beliau juga mencatatkan bahawa petempatan ini mempunyai gabenor yang mentadbir kawasan tersebut dan dikenali sebagai *mandaliqua*. Beliau mengandaikan bahawa *mandaliqua* tersebut barangkali adalah *mantari* (menteri) ataupun ketua yang dilantik, residen atau berkemungkinan juga merupakan gabenor wilayah (lihat Cortesao 1967, 261).
  9. Kemungkinan besar hubungan Perak dengan China dalam tempoh ini adalah lebih berbentuk hubungan diplomatik berbanding hubungan dagang.
  10. Namun begitu, terdapat perselisihan antara maklumat yang dicatatkan dalam *Misa Melayu* ini dengan sumber Belanda iaitu “Perjanjian Di antara Sultan Muzaffar dengan Syarikat Hindia Timur Belanda” (lihat Muhammad Yusoff 1993, 17–18). Dalam perjanjian ini, dicatatkan bahawa persetujuan perdagangan antara Perak (Sultan Muzaffar Syah) dengan wakil Belanda iaitu Johan Levin Essche adalah berkaitan monopoli perdagangan garam dengan SHTB diberi satu-satunya hak untuk menjual garam kepada Perak. Perihal bijih timah tidak disebut langsung. Walaupun begitu, dalam perjanjian bertarikh 13 Mac 1753 antara SHTB yang diwakili oleh Mr. Thomas Achippers dengan Perak yang diwakili Sultan Iskandar Zulkarnain Syah, iaitu perkara 5, ada dinyatakan bahawa bijih timah perlu dijual kepada SHTB seperti mana perjanjian sebelum itu iaitu antara wakil SHTB dengan Sultan Muzaffar Syah (rujuk “Perjanjian 13 Mac 1753”) (lihat Muhammad Yusoff 1993). Maka, terdapat kemungkinan wujudnya perjanjian lain antara Sultan Muzaffar Syah dengan wakil Belanda berkaitan monopoli bijih timah ini. Berdasarkan dua perjanjian ini jugalah maka wujud kebenaran dalam catatan *Misa Melayu* tentang perjanjian penjualan bijih timah antara Perak dengan SHTB yang bersifat monopoli. Jelas di sini bahawa berdasarkan kedua-dua perjanjian antara SHTB dengan Perak ini, SHTB bukan hanya menguasai eksport bijih timah Perak, tetapi juga import Perak iaitu Perak hanya boleh membeli garam hanya daripada SHTB. Jumlah tersebut adalah satu koyan (5,333.3 *pound*) setiap tahun (lihat Muhammad Yusoff 1993).
  11. Pembinaan kota dan gudang oleh Belanda dalam *Misa Melayu* ini dikukuhkan dengan catatan dalam teks *Salasilah Perak* iaitu di Tanjung Putus. Kedua-dua tempat ini berada dalam kedudukan geografi yang sama.
  12. Perak merupakan sebuah negeri yang sangat banyak adat istiadat penting dan dilaksanakan dengan penuh kegemilangan dan kemewahan. Misalnya, upacara perkahwinan Raja Muda (kemudiannya Sultan Iskandar Syah) dengan Raja Budak Rasul, anakanda Sultan Muzaffar Syah, diadakan dengan penuh beradat selama 40 hari 40 malam secara besar-besaran dan penuh meriah (lihat Ahmad Fauzi 1992,

- 20–22). Istiadat sebegini sudah tentu memerlukan perbelanjaan negeri yang sangat besar dan hal ini turut membuktikan kekayaan Perak.
13. Namun sekiranya dilihat melalui sekeping dokumen yang diperoleh daripada fail arkib, no. penerimaan 2000/0009215 “Salasilah Sultan-Sultan Yang Memerintah (Merajai) Negeri Perak”, tarikh Sultan Iskandar Syah menaiki takhta adalah pada tahun 1754.
  14. Sungguhpun begitu, menurut Cowan, jumlah *pound* (lbs.) untuk satu bahara adalah bersamaan dengan 400 *pound* (lbs.) atau tiga pikul (*picul*) (Cowan 1950, 21).
  15. Maka, terdapat perselisihan antara catatan dalam *Misa Melayu* dengan sumber Belanda ini bagi jenis mata wang yang digunakan dalam urusan jual beli bijih timah. Hal ini kerana *Misa Melayu* menyatakan rial Belanda digunakan dalam urusan jual beli timah namun sumber Belanda pula menyatakan urusan jual beli timah adalah dalam mata wang *Spanish real (dollar)*. Namun begitu, dari segi jumlahnya pula masih sama iaitu 32 rial sebahara timah. Justeru, kemungkinan *Misa Melayu* mempunyai sedikit kesilapan dalam jenis mata wang atau rial yang digunakan untuk urusan jual beli bijih timah tersebut.
  16. Kawasan pelombongan bijih timah yang utama di Perak pada waktu ini adalah di Hilir Perak dan Hulu Perak. Kawasan perlombongan biji timah di Hilir Perak terletak di Bidor, Batang Padang, Chenderiang, Kampar dan Kinta, manakala di Hulu Perak pula, kawasan perlombongan bijih timah terletak di Sayong, Budara dan Bakau.
  17. Sebenarnya, perjanjian berkaitan jual beli timah antara Perak dengan Belanda berdasarkan sumber Belanda (perjanjian-perjanjian perdagangan antara wakil SHTB dengan Sultan Perak pada kurun ke-18) juga turut menyatakan bahawa perjanjian yang ditandatangani antara sultan dengan wakil Belanda disaksikan oleh kerabat diraja dan para pembesar Perak (lihat Muhammad Yusoff 1993, 19–22).
  18. Undang-Undang Adat Negeri Kedah ini juga mencatatkan bagi mana-mana pihak yang melanggar peraturan ini, jika ditangkap, barang-barang berkenaan bukan sahaja dirampas, tetapi juga pelakunya akan dikenakan denda sepuluh tahlil sepaha (suku atau 1/4) dan barangan dagangannya yang lain juga akan turut dikenakan denda cukai berdasarkan jenis barangan tersebut (keterangan lanjut dalam Jelani et al. 2021, 82–83).
  19. Menurut ukuran dalam Cowan (1950), 16 tahlil bersamaan 1.3 lb (*pound*). Justeru, satu tahlil adalah bersamaan dengan 0.08 lb (*pound*).

## Rujukan

- Abdul Rahman Haji Ismail. 2009. *Sejarah Melayu, the Malay Annals*. MBRAS reprints no. 17. Selangor: Academe Art & Printing Service Sdn. Bhd.
- Ahmad Fauzi Mohd Basri, ed. 1992. *Misa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andaya, B.W. 1979. *Perak, The abode of grace: A study of an eighteenth-century Malay state*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Andaya, L.Y. 1987. *Kerajaan Johor 1641–1728, Pembangunan ekonomi dan politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Azmi Arifin. 2005. Feudalisme Melayu dan Perak kurun ke-18 daripada catatan *Misa Melayu*. *Jurnal Ilmu Kemanusiaan* 12: 49–74.
- Buyong Adil. 1981. *Sejarah Perak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Caunter, R. 2020. Tin production in nineteenth-century Malaya. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 93(2): 201–204.
- Cortesao, A. 1967. *The Suma Oriental of Tome Pires, an account of the East, from the Red Sea to Japan, written in the Malacca and India in 1512–1515*. NendeIn/Liechtenstein: Kraus Reprint Limited.
- Cowan, C.D. 1950. Early Penang and the rise of Singapore 1805–1832, documents from manuscript records of the East India Company. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 23(2).
- File No. 2000/0009215. n.d. *Salasilah sultan-sultan yang memerintah (merajai) negeri Perak*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Jelani Harun, Mahani Musa, Idris Mansor and Aisyah Kamaruddin. 2021. *Undang-undang Adat Negeri Kedah abad ke-19 milik Ku Din Ku Meh*. Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Khoo Kay Kim. 1986. The Perak Sultanate: Ancient and modern. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 59(1)(250): 1–26.
- Low, J. 1850. An account of the origin and progress of the British Colonies in the Straits of Malacca. *Journal of Indian Archipelago and Eastern Asia* 4: 378.
- Maxwell, W.E. 1882. The history of Perak from native sources. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* 9(June): 85–108.
- Muhammad Yusoff Hashim. 1993. Masyarakat Perak abad ke-18: Interpretasi historis daripada *Misa Melayu*. *Sejarah* 2(2): 1–26. <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol2no2.1>
- Norazimah Zakaria. 2005. Sejarah Melayu: Sebuah genre sintesis yang baik bagi memenuhi tuntutan moral Islam dan aspek pengawalan politik. *Jurnal Pengajian Melayu* 16: 319–334.
- Panuti Hadimurti Mohammad Sudjiman. 1979. *Adat Raja-Raja Melayu: A critical edition together with a commentary on court ceremonials describe*. PhD diss., Australian National University.
- Ramlah Adam. 2015. *Institusi raja dalam Misa Melayu: Mengakar kuat tamadun Melayu, Muzakarah Sultan Nazrin Shah*. Retrieved from [http://mufti.perak.gov.my/images/perkhidmatan/koleksi\\_umum/kertas\\_kerja/muzakarah2017/PP-InstitusiRaja.pdf](http://mufti.perak.gov.my/images/perkhidmatan/koleksi_umum/kertas_kerja/muzakarah2017/PP-InstitusiRaja.pdf) (accessed 25 September 2021).
- Rosema, M. 2003. Malay and Orang Asli interactions: View from legendary history. Retrieved from <http://www.sabrizain.org/malaya/library/malayorang.pdf> (accessed 17 September 2021).
- Tatiana Denisova. 2015. Orang Melayu dan tamadun Melayu dalam historiografi melayu Islam (kurun ke-13 hingga ke-19). In *Siri Ceramah Arif Budiman*, Vol. 3, 126–182. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura. Retrieved from [https://academyofsingaporeteachers.moe.edu.sg/docs/librariesprovider6/resources-files/ceramah-arif-budiman/jilid-3/mlcs\\_cab\\_12\\_-\\_prof\\_tatiana\\_19\\_sep\\_2015.pdf](https://academyofsingaporeteachers.moe.edu.sg/docs/librariesprovider6/resources-files/ceramah-arif-budiman/jilid-3/mlcs_cab_12_-_prof_tatiana_19_sep_2015.pdf) (accessed 9 September 2021).



- Van Niel, R. 1980. Book review: Andaya Barbara Watson. *Perak, the abode of grace: A study of an eighteenth-century Malay state*. (East Asian historical monographs). New York: Oxford University Press. 1979. *The American Historical Review* 85(2): 449. <https://doi.org/10.1086/ahr/85.2.449>
- Vlieland, C.A. 1934. The population of the Malay Peninsula: A study in human migration. *Geographical Review* 24(1): 61–78. <https://doi.org/10.2307/209494>
- Wilkinson, R.J. 1929. *Papers on Malay subjects: Law part II: The ninety-nine laws of Perak*. Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Press.
- Winstedt, R. 1953. An old Minangkabau legal digest from Perak. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 26(1)(161): 1–13.